



DR ISMAIL menyampaikan cenderamata kepada Mistirine  
semnetara kakitangan kanan UMS-KAL menyaksikan.  
DE 11/16/2015

## UMS-KAL tawar bantuan kepada pelajar sekolah

### Cheang Poh Hwa

LABUAN: Kampus Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah (UMS-KAL) menawarkan bantuan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah untuk meningkatkan bahasa Inggeris mereka dan mata pelajaran lain.

Pengaruhnya, Prof Madya Dr Ismail Ali mengadakan perbincangan dengan Pengarah Pelajaran Labuan Mistirine Radin di pejabat Mistirine untuk meninjau kerjasama di sekolah-sekolah.

Dr Ismail berkata, ini selaras dengan seruan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bahawa pihak universiti perlu mendekatkan diri dengan masyarakat tempatan.

UMS-KAL akan menggerakkan pensyarah-pensyarahnya bertemu dengan pelajar dan

menggalakkan mereka untuk cekap dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, dan pada masa sama memperkuuhkan pengetahuan pelajar dalam Bahasa Melayu, Sains dan juga Matematik.

Dr Ismail menjemput pelajar Tingkatan Enam untuk menggunakan perpustakaan kampus itu dalam penyediaan untuk STPM mereka. Ia juga akan memberi peluang kepada mereka untuk melihat kehidupan di kampus.

Beliau berharap lebih banyak aktiviti bersama dapat dianjurkan antara pelajar dan mahasiswa/siswi.

Sebagai balasan, Mistirine menawarkan pelajar universiti berkenaan untuk menggunakan Pusat Kurikulum Jabatan Pelajaran tersebut.

Kemudahan dan kepakaran perlu dikongsi bersama," katanya.